

Index
No.

						-	
--	--	--	--	--	--	---	--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

BMS2EN/2

SECONDARY 2 EXP/NA
SPECIMEN PAPER 4

BAHASA MELAYU
(KERTAS 2)

MALAY
(PAPER 2)

Additional Materials: Answer Booklet

Total Time: 1 h 30 min

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Write your Index No. in the boxes at the top right hand corner.
2. Do not turn over this page until you are told to do so.
3. Follow all instructions carefully.
4. Answer all questions.
5. Write your answers in the spaces provided.



This question paper consists of 12 printed pages.

BAHAGIAN A

SOALAN A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Jika seseorang ingin berjaya, dia mesti menentukan matlamatnya. Tanpa mempunyai sebarang sasaran, seseorang boleh menjadi kurang fokus dan berkemungkinan kehilangan arah tuju. Menentukan hala tuju hidup bukan sekadar membantu seseorang mempunyai (1) kawal atas hidupnya. Malah, ia juga menjadi tanda aras untuk seseorang itu (2) ukur tahap pencapaiannya.

Meskipun seseorang itu berjaya mengumpul berjuta-juta dolar, dia mungkin tidak (3) anggap sebagai seorang yang berjaya. Bagi sesetengah orang, kekayaan hanyalah (4) kadar kejayaan sementara dan yang lebih penting baginya ialah kejayaan hakiki.

Ketika (5) tetap matlamat, fikirkan sama ada ia merangsang kamu untuk mencapainya. Tanpa daya tarik seumpama itu, kamu akan berasa seperti dibebani. Maka lama-kelamaan, kamu akan kehilangan semangat untuk memperjuangkan wawasan kamu.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

SOALAN A2 (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapi jalan cerita petikan karangan.

- (A) cubit paha kanan, paha kiri terasa juga
- (B) genggam bara api biar sampai jadi arang
- (C) bagaimana bunyi gendang begitulah tarinya
- (D) ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- (E) bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi
- (F) lain padang lain belalang, lain lubuk lain ikannya
- (G) jika asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau
- (H) berjagung-jagung dahulu sementara menanti padi masak
- (I) cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar
- (J) berapa tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga

Hana dan Hani ialah sepasang adik-beradik kembar. Namun, walaupun wajah mereka sama, sifat mereka amat ketara. Hana tidak mudah putus asa dan sering sabar melakukan sesuatu sehingga berjaya ibarat ____ (6) _____. Ketika menunggu keputusan peperiksaan akhir tahun diumumkan, Hana tidak mahu duduk diam dan telah ____ (7) _____ untuk mengisi masa lapangnya. Sifat Hani pula terburu-buru dan dia tidak pernah berfikir dengan bernas sebelum melakukan sesuatu yang merugikan walaupun dia sering diingatkan bahawa ____ (8) _____. Teman-teman yang rapat dengan Hana dan Hani, sentiasa berhati-hati sebelum berbicara dan bercakap tentang mereka kerana mereka sedar bahawa ____ (9) _____. Kini, Hana sedang bekerja di Dubai manakala Hani pula bekerja di Australia. Namun, mereka berdua bercadang untuk pulang ke Singapura kerana ____ (10) _____. Sememangnya, Hana dan Hani tidak dapat dipisahkan.

6. () 7. () 8. () 9. () 10. ()

SOALAN A3 (10 markah)

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

ancaman	melibatkan	sejak
dugaan	menyentuh	termasuk
kecuali	oleh	

Pusat Kajian Pew telah menerbitkan satu tinjauan yang mendapati perubahan iklim ialah keprihatinan keselamatan global. Ini disusuli _____ (11) _____ pengganasan dan serangan siber.

Tinjauan oleh pengkaji yang berpangkalan di Amerika Syarikat itu _____ (12) _____ sekitar 27,600 responden. Para responden dari lebih banyak negara juga dilaporkan bimbang tentang kuasa dan pengaruh Amerika Syarikat. Ia telah menjadi semakin ketara _____ (13) _____ Presiden Amerika Syarikat Donald Trump mengambil alih pentadbiran negara itu pada tahun 2016.

Tinjauan itu meliputi para penduduk dari 10 negara _____ (14) _____ Jerman, Jepun dan Korea Selatan. Lebih 50 peratus responden daripada negara-negara tersebut menyifatkan kuasa dan pengaruh Amerika sebagai satu _____ (15) _____ yang besar terhadap negara mereka. Selain itu, program nuklear Korea Utara dan ekonomi global juga merupakan antara keprihatinan utama.

11. _____

12. _____

13. _____

14. _____

15. _____

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

Petikan 1

Bengkel Memperkaya Diri


Sempena Cuti Sekolah Hujung Tahun

Bengkel Melukis

Dikendalikan oleh Puan Shadidah Mokhtar

Empat sesi (8, 13, 19 dan 22 Mac)

Pelajari bagaimana untuk menjadikan lukisan anda lebih hidup menggunakan pelbagai warna. Puan Shadidah akan mengajar cara-cara menggunakan cat minyak, akrilik dan air.



Bengkel Pidato

Dikendalikan oleh Encik Suganda

Tiga sesi (Setiap Selasa mulai 3 Mac)

Takut ketika menyampaikan ucapan di hadapan ramai orang? Mr Suganda akan membantu kamu menjadi seorang peminat yang lebih yakin dan boleh menarik hati pendengar!



Bengkel Lakonan

Dikendalikan oleh Cikgu Ashikin Rosli dan pelakon Suria Encik Najib

Tiga sesi (17, 19, 30 Mac)

Ingin menjadi bintang televisyen? Pelajari cara melontarkan suara dan menampilkan perasaan dengan lebih jelas. Kamu kemungkinan berpeluang menyertai adu bakat drama terkini lakonan Encik Najib!



Anjuran Jabatan Estetika Sekolah Menengah Permai

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

16. Bengkel Memperkaya Diri dianjurkan oleh _____.
(A) Encik Suganda
(B) Cikgu Ashikin Rosli
(C) Puan Shadidah Mokhtar
(D) Sekolah Menengah Permai ()
17. Jika kamu ingin menjadi penutur yang lebih yakin, kamu patut menyertai _____.
(A) bengkel pidato
(B) bengkel lakonan
(C) bengkel melukis
(D) bengkel pidato dan lakonan ()
18. Semua pernyataan yang berikut adalah tepat **kecuali** _____.
(A) semua bengkel berlangsung pada bulan Mac
(B) bengkel melukis berlangsung selama empat sesi
(C) peserta bengkel lakonan akan menyertai drama terkini lakonan Encik Najib
(D) peserta bengkel melukis akan mempelajari tentang cara menggunakan cat yang berlainan jenis ()



Kuasa Untuk
Membuat Pilihan

PENDUDUK KEDIAMAN:

Apa yang perlu dipertimbangkan
semasa membuat penukaran?

LANGKAH 1 PILIH SATU PELAN HARGA



Anda boleh pilih salah satu daripada
piawaian pelan harga yang ditawarkan
para pembekal.

- a) Pelan Harga Tetap
- b) Pelan Diskaun Daripada Tarif Terkawal
- c) Pelan Waktu Sibuk dan Waktu Lengah

Para pembekal boleh mengenakan
bayaran secara langsung atau menerusi SP
Group.

Pelan harga yang kamu pilih akan
menentukan meter elektrik yang kamu
perlukan.


Jika kamu memilih Pelan Harga Tetap atau
Pelan Diskaun Daripada Tarif Terkawal,
kamu tidak memerlukan meter bijak. Kamu
boleh terus menggunakan meter sedia ada
apabila menukar pembekal.

Jika kamu memilih Pelan Waktu Sibuk dan
Waktu Lengah, kamu boleh
mempertimbangkan pemasangan meter
bijak untuk menjejak penggunaan elektrik
setiap setengah jam. Bayaran \$40 (sebelum
GST) akan dikenakan untuk memasang
meter.

LANGKAH 2 PILIH JENIS METER ELEKTRIK



LANGKAH 3 LANGGAN PELAN



Minta Lampiran Fakta yang merumuskan
maklumat utama pelan harga yang dipilih.
Jangan lupa untuk membaca dengan teliti
syarat-syarat kontrak sebelum
menandatangani.

Kontrak kamu boleh bermula seawal 5 hari
bekerja selepas kamu memaklumkan SP
Group mengenai penukaran.

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

19. Jika seseorang tidak ingin menggunakan meter bijak, dia boleh mempertimbangkan _____.

- (A) Pelan Harga Tetap sahaja
- (B) Pelan Tarif Terkawal sahaja
- (C) Pelan Harga Tetap dan Pelan Tarif Terkawal
- (D) Pelan Waktu Sibuk dan Waktu Lengah sahaja

()

20. Semua pernyataan yang berikut adalah tepat **kecuali** _____.

- (A) bayaran boleh dikenakan menerusi SP Group
- (B) bayaran dikenakan jika meter bijak harus dipasang
- (C) bayaran boleh dikenakan secara langsung kepada para pembekal
- (D) kontrak akan bermula secara serta-merta selepas pemakluman tentang penukaran

()

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Perlawanan sahabat dengan sekolah-sekolah kejiranan akan berlangsung dalam beberapa hari akan datang. Setelah mengenakan pakaian bola sepak, aku bergegas keluar untuk berlatih dengan teman-teman.

Ibu menepuk bahuku sejurus sebelum aku melangkah keluar dari rumah. Dia berdiri tegak kemudian meletakkan kedua-dua tangan di bahagian pinggang sebelum berkata, "Ramalan kaji cuaca kata nanti akan hujan lebat! Apa kata esok sahaja kamu berlatih." 5

Dengan perasaan **gemas**, aku menepis tangan ibu lalu mengambil bola.

"Hujan sikit sahaja. Takkan mati pun." Setelah itu, aku terus berlari menuju ke padang bola tanpa menghiraukan ibuku yang menggeleng-gelengkan kepalanya tanda tidak senang hati. Selepas sejam dalam perlawanan, aku melihat **sekilas** ke langit. Awan hitam semakin banyak berkumpul. Mungkin benar kata ibu, mungkin hari akan hujan sebentar nanti. Namun apabila aku cuba memberitahu teman pasukanku Johan, dia juga mengulangi kata-kata sama yang aku beritahu ibuku sebelum itu, "Hujan sikit sahaja. Takkan mati pun." 10

Bagaikan sudah dirancang, kilat memancar-mancar dari jauh sebelum titisan hujan mula jatuh membasahi mukaku. Meskipun dapat merasakan angin yang kencang serta hujan, kami terus berlatih dalam pakaian yang basah. Semuanya berjalan lancar dan teknik permainan kami juga semakin bertambah baik dek berlatih selama berbulan-bulan. 15

Keesokan harinya, badan lenguh-lenguh ketika aku terjaga daripada tidur. Tekakku bagaikan terbakar. Aku mendudukkan diri untuk **meredakan** kepalaku yang sedang pusing. Tiba-tiba, bisikan angin bersiulan melalui jendela kamar yang terbuka, membuatku menggigil tidak bermaya. Dalam keadaan canggung, aku meletakkan tapak tanganku di dahiku dan merasa kehangatan membakar kulitku. Dengan serta-merta, aku menyedari bahawa aku telah jatuh sakit. 20

Sambil menggulung diriku dalam selimut, aku berjalan terketar-ketar mencari ibu. Dengan penuh perasaan malu, aku mengakui kesilapanku lalu meminta maaf kerana tidak mendengar nasihat ibuku. 25

"Hah! Inilah jadinya kalau tak dengar nasihat orang tua." Setelah dibebel oleh ibu, dia membawa aku ke doktor. Sepanjang kami menunggu giliran, ibu tidak habis-habis terus membebel.

Beberapa hari setelah itu, aku terpaksa berehat di atas katil. Ibu membuatkan sup yang hangat untuk aku minum sebelum memakan ubat. Sungguhpun dengan rawatan yang diberi, aku yakin, aku tidak akan sempat sembuh sebelum hari perlawanan. Suhu badanku terus kekal tinggi dan aku sering berasa mabuk kerana terlalu banyak batuk. Ibu bagaimanapun tidak henti-henti merawatku dan menukar kain panas di dahiku yang telah menjadi dingin. 30

Sehari sebelum perlawanan yang dinanti-nantikan, aku bangun dalam keadaan penuh semangat. Ternyata, aku telah sembuh sepenuhnya dan tidak lagi merasa lenguh-lenguh. Kebetulan, pada hari itu, jurulatih kami ingin mengadakan latihan terakhir sebelum perlawanan tersebut. 35

Semasa meregangkan otot sementara menantikan latihan bermula, Johan tiba-tiba **bergegas**

masuk untuk memberitahu semua bahawa cuaca di luar hujan. Sebelum aku dapat berkata apa-apa, jurulatih kami pun masuk lalu berkata, “Hujan sikit sahaja. Takkan mati pun.” Aku hanya menggeleng-geleng kepala mendengar kata-katanya.

“Tidak, saya tidak ingin menyertai latihan ini jika cuaca hujan. Saya sudah serik.” Saya berani 40 berkata. Semua orang memandang saya dengan raut wajah terkejut.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

21. Berikan bukti bahawa penulis bersikap biadab terhadap ibunya. (3 markah)

22. Semasa berlatih dengan pasukannya, apakah petanda bahawa hujan akan turun tidak lama lagi? (3 markah)

23. Bagaimanakah penulis dan pasukannya menunjukkan bahawa mereka cekal? (3 markah)

24. Apakah perkara yang mengesahkan bahawa penulis telah jatuh sakit? (3 markah)

25. Meskipun penulis telah bersikap degil terhadap ibunya, ibunya tetap menyayangnya. Berikan dua bukti. (5 markah)

26. Berikan **dua** bukti bahawa penulis telah menyesali perbuatannya. (5 markah)

Arahan: Bagi soalan 27 hingga 30, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

27. gemas (baris 7) (2 markah)

28. sekilas (baris 10) (2 markah)

29. meredakan (baris 19) (2 markah)

30. bergegas (baris 36) (2 markah)

SELESAI